

PELANCONG 'KETAT' KE MALAYSIA

Kuala Lumpur duduki tempat ke-8 dalam senarai bandar raya paling popular yang bakal dikunjungi di peringkat global

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@
mediaprima.com.my

Malaysia kini muncul sebagai destinasi pelancongan utama bagi pelancong antarabangsa apabila tersenarai antara lima destinasi luar negara utama bagi pelancong dari Asia Tenggara dan China.

Data ini diperoleh daripada cerapan trend pelancongan terbaharu dan yang didedahkan baru-baru ini oleh penyedia perkhidmatan perjalanan global terkemuka, Trip.com Group.

Dalam data sama, Kuala Lumpur menduduki tempat ke-8 dalam senarai bandar raya paling popular yang bakal dikunjungi di peringkat global, seperti mana destinasi kegemaran ramai seperti Tokyo di Jepun, Seoul di Korea dan Bangkok di Thailand.

Menurut Pengurus Trip.com Malaysia Stephane Thong, Trip.com memberi tumpuan segala tarikan yang ditawarkan oleh negara dalam menyokong Program Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Melihat momentum Malaysia yang semakin kukuh sebagai destinasi pilihan bagi para pelancong dari dalam dan luar Asia, ia satu perkembangan yang amat menggalakkan.

"Daripada bandar raya yang penuh bertenaga dan keindahan alam semula jadi kepada tarikan mesra keluarga disulami kekayaan warisan dan budaya, tarikan pelancongan Malaysia yang pelbagai turut menambah minat pelancong.

"Tahun ini, Trip.com memberikan tumpuan dengan memaparkan segala yang ditawarkan oleh negara ini untuk menyokong Program Tahun Melawat Malaysia 2026, sambil mengukuhkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi utama di rantau ini," katanya.

Tambahnya, data tempahan pada suku pertama 2026 memperlihatkan golongan milenial kekal sebagai kumpulan pelancong terbesar dengan menyumbang lebih separuh daripada jumlah tempahan (51 peratus), mengatasi tempahan yang



KUALA LUMPUR tampil antara lapan bandar popular menjadi pilihan untuk percutian.



DATA tempahan suku pertama 2026 melihat trend percutian rakyat Malaysia.



dibuat oleh pelancong Gen X (24 peratus) dan Gen Z (21 peratus) secara keseluruhan.

"Data Trip.com mendedahkan, rakyat Malaysia lebih meminati perjalanan serantau, dengan penerbangan jarak pertengahan (antara 2,000km hingga 5,000km) dan jarak dekat (kurang daripada 2,000km) merangkumi sebahagian besar daripada tempahan yang dibuat pada tiga bulan pertama tahun ini.

"Daripada segi perjalanan domestik, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Pulau Pinang, Kuching dan Johor Bahru adalah bandar raya paling popular berdasarkan jumlah tempahan penerbangan.

"Sementara itu, China, Singapura, Jepun, Thailand dan Indonesia mendahului senarai destinasi luar negara pilihan bagi rakyat Malaysia," katanya.

Berdasarkan data itu juga, trend percutian rakyat Malaysia lebih cenderung kepada percutian yang mesra keluarga.

Justeru, taman tema antara tarikan yang terus mencatatkan permintaan tempahan kukuh.

Beberapa francais terkenal menjadi tumpuan utama sebagai aktiviti dalam jadual perjalanan ke luar negara kerana tiga tarikan antarabangsa utama yang paling banyak ditempah di Trip.com oleh rakyat Malaysia ialah taman tema utama di serata

Melihat momentum Malaysia yang semakin kukuh sebagai destinasi pilihan bagi para pelancong dari dalam dan luar Asia, ia satu perkembangan yang amat menggalakkan

STEPHANE THONG

Asia.

Di dalam negara pula, warga tempatan menunjukkan trend yang serupa kerana Taman Tema Genting SkyWorlds, Taman Tema Sunway Lagoon dan Taman Tema Dalam Bangunan Skytropolis menyerlah sebagai destinasi kegemaran pada 2026.